

Buruh bersalah edar syabu dipenjara 30 tahun, 12 sebatan

SIBU: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 30 tahun berserta 12 sebatan ke atas seorang buruh yang disabitkan bersalah atas pertuduhan mengedar syabu seberat 72.52 gram (g) tiga tahun lepas.

Hakim Wong Siong Tung yang menjatuhkan hukuman ke atas Jeffry Lepa, 43, turut memerintahkannya menjalani hukuman penjara bermula daripada tarikh dia ditahan iaitu 26 November 2022.

"Setelah menimbangkan hujahan peguam bela tertuduh

dan Timbalan Pendakwa Raya, setelah menilai semua faktor mitigasi dan pemberatan yang relevan, keseluruhan keadaan kes ini, khususnya jumlah dadah yang terlibat serta pertimbangan utama kepentingan awam, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas tertuduh, yang menurut Seksyen 3 Akta Keadilan Jenayah 1953 ditakrifkan sebagai penjara selama 30 tahun, berserta 12 sebatan.

"Tempoh pemenjaraan tersebut hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penangkapan tertuduh



JALANI HUKUMAN: Jeffry dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi SibU, semalam setelah disabitkan bersalah atas kesalahan mengedar syabu.

iaitu 26 November 2022," ujarinya ketika membacakan keputusan

kes tersebut semalam.

Buruh bersalah edar syabu dipenjara 30 tahun, 12 sebatan

► Dari Muka 1

Menurut Wong, di akhir kes pendakwaan dan setelah keterangan saksi-saksi yang dipanggil oleh pihak pendakwaan dinilai secara maksimum, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh.

Jeffry terdahulu didakwa mengedar dadah berbahaya iaitu 72.52g Methamphetamine pada 26 November 2022, kira-kira jam 3 petang di tempat letak kereta Lorong Tun Ahmad Zaidi serta didakwa di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum mengikut Seksyen 39B(2), akta yang sama.

Seksyen 39B(2) ini membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup dan jika tidak dikenakan hukuman mati, boleh dikenakan hukuman sebat tidak kurang 15 kali, jika sabit dengan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto terdahulu memohon kepada mahkamah agar mengenakan hukuman yang setimpal di mana hukuman mati kekal sebagai

hukuman yang sesuai dan berkadar dalam keadaan kes ini.

“Setelah mengambil kira keseluruhan keterangan dan faktor-faktor pemberatan yang dibuktikan, ini merupakan suatu kes yang berada pada tahap keseriusan yang tertinggi.

“Tertuduh juga telah gagal mengemukakan sebarang mitigasi yang mempunyai berat yang mencukupi untuk mengurangkan tahap kesalahannya secara signifikan.

“Apabila faktor-faktor pemberatan ditimbang berbanding mitigasi terhadap yang dikemukakan, pihak pendakwaan berhujah bahawaimbangan tersebut jelas memihak kepada hukuman paling berat yang dibenarkan oleh undang-undang,” ujarinya.

Mark turut menambah ini merupakan suatu kes yang memerlukan hukuman yang mencerminkan kecaman paling tegas oleh masyarakat, melindungi kepentingan awam, serta memenuhi objektif hukuman dan pencegahan.

Ketika prosiding semalam, Jeffry diwakili peguam dilantik iaitu Jacob Wong dan Jessie Wong.